



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (18)
Tarikh : 18 Oktober 2021

**Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGOPERASIAN SEMULA SEKOLAH DALAM FASA 4 PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan semula institusi pendidikan bawah KPM akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Seperti yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan bahawa bermula 18 Oktober 2021 negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan beralih ke Fasa 4 PPN. Pihak KPM melalui kenyataan media yang dikeluarkan pada 17 Oktober 2021 memaklumkan bahawa murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 akan hadir ke sekolah mulai 1 November 2021. Manakala murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 akan hadir ke sekolah mulai 8 November 2021.

4. Sehubungan dengan itu, semua murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 SMK Tiara Permai akan hadir ke sekolah **secara penggiliran mulai 1 November 2021**. Manakala semua murid Tingkatan 1 dan 2 akan hadir ke sekolah **secara penggiliran mulai 8 November 2021**.

...5. Bersama-sama ini dilampirkan info pengoperasian sekolah bagi peralihan Fasa 4 untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. **Pihak sekolah akan mengeluarkan perincian berkaitan pengoperasian sekolah dalam masa yang terdekat kepada semua ibu bapa/penjaga murid Tingkatan 1, 2, 3, dan 4.**

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)
Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

